

Manifestasi Unsur Interdiskursiviti Wacana Muamalat dalam Kerangka Sistem Ekonomi Konvensional

The Manifestation of Interdiscursivity Element in Muamalat Discourse within the Framework of Conventional Economic System

MOHAMAD FITRI MOHAMAD YUSOFF, ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH, PABIYAH HAJIMAMING @ PABIYAH TOKLUBOK, & HJH. NOR AZUWAN YAAKOB

ABSTRAK

Perbincangan terhadap keperluan umat Islam kembali kepada sistem muamalat amat rancak dilakukan, namun penelitian terhadap wacana muamalat masih belum dilakukan secara kritis bagi mengenal pasti praktis sosial muamalat dan cara wacana muamalat memperteguh praktis sosial tersebut. Justeru makalah ini bertujuan menjelaskan praktis wacana muamalat dengan tumpuan kepada unsur interdiskursiviti dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Dapatan kajian menunjukkan bahawa praktis sosial yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat adalah Ihsan. Praktis sosial ini mempengaruhi praktis wacana muamalat khususnya daripada aspek interdiskursiviti. Hal ini terbukti apabila elemen interdiskursiviti menunjukkan wacana deskripsi lebih kerap digunakan berbanding jenis wacana yang lain. Kajian ini juga mendapati bahawa AWK berjaya membongkar pertalian dialektikal antara praktis sosial muamalat (Ihsan) dengan praktis wacana (interdiskursiviti).

Kata kunci: Wacana muamalat; sistem ekonomi konvensional; praktis sosial; praktis wacana; interdiskursiviti

ABSTRACT

Recently, the issue of the need for Muslims to shift back to muamalat system has been debated, however the study on muamalat discourse to identify muamalat social practice and the way muamalat discourse strengthens this social practice has yet to be critically conducted. This article aims to explain the practice of muamalat discourse focusing on interdiscursivity element within the framework of conventional economic system. The results of this study show that the social practice which benefits from muamalat discourse is Ihsan (courtesy). This social practice influences muamalat discourse practice particularly in the aspects of inter-discursivity. This is proven with inter-discursivity elements show that description discourse is used more frequently than other discourses. This study has succeeded in exposing the dialectical relationship between muamalat social practice (Ihsan) with discourse practices (inter-discursivity).

Keywords: Muamalat discourse; conventional economic system; social practice; discourse practice; interdiscursivity

PENGENALAN

Kajian terhadap unsur interdiskursiviti dilakukan untuk merungkai kepelbagaian wacana yang tersirat dalam sesebuah teks wacana yang baru. Interdiskursiviti tertumpu kepada penghasilan teks untuk mengenal pasti kepelbagaian jenis wacana, genre, gaya atau ragam retorik yang digunakan dalam pembinaan teks wacana yang dikaji. Memandangkan pembinaan sesebuah teks tidak bebas konteks, maka kepelbagaian dan kerencaman konteks turut mempengaruhi kepelbagaian jenis wacana, genre, gaya atau ragam retorik.

Satu hal yang menarik, perkembangan muamalat (sistem ekonomi Islam) berlaku dalam kerangka

sistem ekonomi konvensional yang dipraktikkan dalam kalangan masyarakat berbilang agama dan berbilang bangsa. Pertembungan dua sistem ekonomi dalam masyarakat berbilang agama dan berbilang bangsa ini bukan sahaja melahirkan praktis sosioekonomi yang tersendiri tetapi juga menghasilkan konteks/situasi yang lebih rencam kepada perkembangan wacana muamalat. Ini kerana wacana muamalat bukan sahaja perlu berupaya mengungkapkan gagasan, idea dan isu-isu berkaitan sistem ekonomi Islam tetapi juga berupaya bertindak balas terhadap kerangka sistem ekonomi konvensional yang menjadi gelanggang kepada perkembangan muamalat. Justeru kajian ini berhasrat meneliti wacana muamalat dalam

kerangka sistem ekonomi konvensional dengan tumpuan kepada praktis sosial muamalat serta bagaimana praktis tersebut mempengaruhi praktis wacana muamalat khususnya unsur interdiskursiviti. Untuk itu wacana muamalat akan dianalisis menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK).

KAJIAN LEPAS

Penelitian terhadap unsur interdiskursiviti menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK) telah mengalami perubahan yang agak ketara. Pada peringkat awal unsur interdiskursiviti telah diteliti menerusi wacana kepimpinan yang menghubungkan antara bahasa dengan kuasa dan ideologi. Perkembangan seterusnya telah menyaksikan unsur interdiskursiviti diteliti pula menerusi wacana yang berperanan sebagai elemen perubahan sosial kontemporari yang berhubungan langsung dengan fenomena globalisasi, liberalisme, kapitalisme, dan ekonomi berasaskan pengetahuan. Antara pengkaji yang telah melaksanakan penelitian terhadap unsur interdiskursiviti termasuklah Kamila Ghazali (1999), Fairclough (2000), Margaret Kettle (2005), Idris Aman (2006), Zotzmann, Karin (2007), Munif Zariruddin (2009), dan Radiman Hj. Junaidi (2011).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kajian dokumen. Teks ulasan operasi pengarah urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang terkandung dalam Laporan Tahunan BIMB 2009 hingga 2012 dijadikan sebagai bahan kajian. Kajian ini juga mengaplikasikan pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK) yang diperkenalkan oleh Fairclough (1989, 1992, 1995). Tumpuan diberikan kepada analisis praktis sosial dan praktis wacana (interdiskursiviti). Analisis dimulakan dengan analisis peringkat makro iaitu analisis praktis sosial dan dilanjutkan kepada analisis peringkat mikro iaitu analisis praktis wacana (interdiskursiviti). Fairclough & Wodak (1997) menjelaskan bahawa hubungan antara praktis sosial dengan wacana adalah hubungan dialiktikal. Dalam perkataan lain praktis sosial mempengaruhi pembentukan wacana, dan daripada sudut yang lain wacana turut berperanan memperteguh praktis sosial. Hal ini bermakna pemilihan unsur tertentu

dalam wacana muamalat berbahasa Melayu bukan dibuat secara bebas, sebaliknya dibuat berdasarkan praktis sosial muamalat yang mementingkan prinsip patuh Syariah serta keperluan masyarakat majmuk Malaysia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

PRAKTIS SOSIAL WACANA MUAMALAT

Analisis yang dilakukan terhadap wacana muamalat yang berkembang dalam kerangka sistem ekonomi konvensional mendapati bahawa praktis sosial yang dimanfaatkan adalah Ihsan. Dalam sebuah hadis riwayat Muslim, Rasulullah SAW menjelaskan konsep Ihsan apabila ditanya oleh Jibril seperti berikut:

Berkatalah ia (Jibril) “Beritahu kepadaku tentang ihsan.” (Nabi Muhammad SAW) menerangkan: “(Ihsan ialah) kamu mengerjakan ibadah kepada Allah SWT seolah-olah kamu melihat-Nya, sekiranya kamu tidak dapat melihat-Nya (memang kamu tidak dapat melihat-Nya) sesungguhnya Dia (Allah SWT) melihat kamu...” (Sahih Muslim, hadis 106).

Ihsan merupakan kata yang berasal daripada istilah Arab yang bermaksud kebaikan, kebajikan, perbuatan yang baik dan kemurahan hati (Kamus Dewan 2010). Ini bermakna dalam soal pemilikan harta, hak orang lain terhadap harta tersebut perlu ditunaikan dengan kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambaNya. Penunaian hak orang lain terhadap harta tersebut merupakan ibadah yang merujuk kepada ibadah zakat yang termaktub sebagai Rukun Islam keempat.

Data di bawah menunjukkan bahawa BIMB sebagai sebuah organisasi perniagaan berteraskan Syariah yang memperoleh keuntungan perniagaan, bukan sahaja mengambil kira elemen cukai (tanggungjawab kepada pemerintah), tetapi juga mengambil kira elemen zakat (kewajipan kepada Allah) dalam pengiraan keuntungan.

2009b(4) Keuntungan sebelum cukai dan zakat:

TK2007 – RM236.7 juta

TK2008 – RM308.3 juta (keuntungan tertinggi sejak penubuhan Bank Islam)

TK2009 – RM233.1 juta

(Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan BIMB 2009: 97)

Kata hubung ‘dan’ pada klausa *cukai dan zakat* dalam data di atas menunjukkan bahawa penekanan yang seimbang diberikan kepada kedua-dua elemen

iaitu cukai dan zakat. Hal ini dipertegas oleh Asmah Hj. Omar (2009) yang melihat 'dan' sebagai 'Kata Penghubung Setara' yang menghubungkan dua unsur yang setara sifatnya.

Islam menetapkan bahawa harta/keuntungan ialah amanah Allah kepada pemiliknya serta perlu dibelanjakan mengikut panduan yang ditetapkan syariat. Islam juga menetapkan bahawa hak terhadap harta/keuntungan bukan terletak secara mutlak kepada pemiliknya. Ini kerana orang lain juga mempunyai hak ke atas harta/keuntungan tersebut. Ketetapan Allah ini menuntut pemilik harta menunaikan hak orang lain ke atas harta/keuntungan tersebut dengan cara membelanjakannya mengikut kaedah tertentu seperti mengeluarkan zakat (Haron Din et al. 1988; Yusuf Al-Qardhawi 2012). Justeru menunaikan hak orang lain dengan cara mengeluarkan zakat seperti yang dizahirkan dalam data 2009b(4) bukan merupakan pemberian berdasarkan perikemanusiaan semata-mata, tetapi menunaikan perintah Allah atas kesedaran Allah maha melihat amalan hamba-Nya. Inilah sebahagian daripada terjemahan konsep Ihsan.

Ihsan yang menjadi praktis sosial muamalat ini berlawanan dengan praktis sosial sistem ekonomi konvensional khususnya ekonomi kapitalis. Kapitalis melihat harta merupakan milik mutlak pemiliknya lantas orang lain tidak berhak untuk campur tangan ke atas pemilikan harta tersebut. Segala bentuk sumbangan yang dikeluarkan untuk kepentingan orang lain merupakan belas kasihan semata-mata dan sering digunakan sebagai strategi pemasaran untuk meningkatkan imej pemilik harta tersebut. Sistem ekonomi konvensional juga mengamalkan *riba* (faedah) dan monopoli, malah kedua-dua pendekatan ini merupakan penyumbang terbesar kepada keuntungan bagi sesebuah perniagaan (Haroun Din et al. 1988; Yusuf Al-Qardhawi 2012).

Namun apabila praktis sosial muamalat yang berlawanan dengan praktis sosial kapitalis berkembang dalam sistem ekonomi konvensional, maka berlaku perubahan serta penyesuaian antara kedua-dua praktis tersebut (Nor Mohamed Yakcop 1996). Ini mengakibatkan Ihsan (kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati) BIMB menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan dilakukan dengan kedua-dua tujuan, iaitu atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan tersebut, selain untuk meningkatkan imej korporat yang merupakan sebahagian daripada strategi pemasaran yang diterima pakai daripada sistem ekonomi

konvensional. Data 2010b(38) di bawah dapat menjelaskan situasi tersebut.

2010b(38) ...pengenalan program-program spesifik yang menyasarkan segmen pasaran utama seperti Kempen Pembiayaan Peribadi-i Extra"Bag"anza. Kempen tersebut telah berjaya mencipta kumpulan baharu pelanggan wanita yang berpeluang memenangi beg-beg tangan berjenama apabila mereka memohon produk pembiayaan peribadi Bank

(Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan BIMB 2010: 130)

Data 2010b(38) menjelaskan pelaksanaan Kempen Pembiayaan Peribadi-i Extra"Bag"anza yang menggalakkan pelanggan khususnya golongan wanita memilih produk pembiayaan yang ditawarkan oleh BIMB. Pembiayaan Peribadi-i merupakan produk patuh Syariah yang ditawarkan atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-Nya. Kesedaran tersebut terserlah apabila BIMB mengambil inisiatif meletakkan 'amanah' sebagai 'Nilai Jenama Teras Kelima' yang membawa maksud produk yang ditawarkan oleh BIMB berwibawa dan diyakini berlandaskan syariah 100%. Malah kewujudan Majlis Pengawasan Syariah yang berperanan mengesahkan garis panduan produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan dan aktiviti bank agar mematuhi syariah 100% menyerlahkan lagi kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan tersebut (Laporan Tahunan 2010 BIMB – www.bankislam.com.my).

Data 2010b(38) juga menjelaskan bahawa melalui pendekatan Extra"Bag"anza pelanggan yang memilih produk Pembiayaan Peribadi-i berpeluang memenangi beg-beg tangan berjenama. Peluang memenangi beg tangan berjenama ini bukan sahaja menggambarkan kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati BIMB dalam menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan, tetapi juga sebahagian daripada strategi pemasaran memandangkan soal keuntungan masih lagi menjadi keutamaan. BIMB perlu bersaing dengan bank-bank perdagangan lain dengan menawarkan produk-produk yang digambarkan membawa lebih banyak manfaat kepada pelanggan untuk meningkatkan keuntungan. Untuk itu BIMB perlu peka terhadap strategi pemasaran agar produk-produk yang ditawarkan mampu bersaing dengan produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan konvensional (Nor Mohamed Yakcop 1996).

Jelasnya berdasarkan data-data yang dikemukakan di atas, praktis sosial muamalat yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat BIMB

ialah Ihsan. Ihsan merujuk kepada penawaran perkhidmatan oleh BIMB dengan kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambanya. Ihsan bukan sahaja diterjemah melalui amalan berzakat, tetapi juga meliputi perintah Allah agar mencari keuntungan dengan cara yang halal, berpada dan tidak bersifat menindas. Data-data tersebut juga membuktikan bahawa Ihsan dalam menawarkan perkhidmatan oleh BIMB bukan sahaja dilaksanakan atas perintah Allah tetapi juga dilaksanakan sebagai sebahagian daripada strategi pemasaran. Pendekatan ini merupakan tindak balas yang berlaku hasil perkembangan muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional (Nor Mohamed Yakcop 1996).

PRAKTIS WACANA MUAMALAT - INTERDISKURSIVITI

Analisis yang dilakukan mendapati wacana muamalat BIMB memanfaatkan tiga jenis wacana, iaitu deskripsi, eksplanatori dan argumentasi. Wacana deskripsi berperanan menerangkan tentang apa, siapa, bila, dan bagaimana secara objektif, sementara wacana eksplanatori berperanan

menjelaskan sebab dan akibat secara terperinci. Dengan perkataan lain wacana deskripsi dan wacana eksplanatori dimanfaatkan untuk memberi kefahaman kepada sasaran wacana. Sementara wacana argumentasi yang bersifat menghujah, membahas dan membujuk dimanfaatkan untuk mengubah kepercayaan dan mendapatkan sokongan sasaran wacana.

Memberi kefahaman, mengubah kepercayaan dan mendapatkan sokongan merupakan antara pendekatan dakwah yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW (Abdul Halim El-Muhammady 1994). Dakwah bukan hanya dilaksanakan menerusi perkataan tetapi juga menerusi perbuatan. Ihsan yang dirujuk sebagai melaksanakan kebaikan dan kebajikan dalam hubungan sesama manusia merupakan sebahagian daripada pendekatan dakwah. Ihsan bukan hanya ditunjukkan melalui perbuatan malah dijelaskan menerusi perkataan/bahasa yang mudah difahami dan diterima secara rasional/logik. Hal yang demikian menyebabkan wacana deskripsi, eksplanatori dan argumentasi dimanfaatkan dalam wacana muamalat. Ringkasan berhubung jenis wacana yang dimanfaatkan ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1. Unsur Interdiskursiviti Wacana Muamalat

Jenis Wacana	Sifat Wacana	Fungsi	Contoh Penggunaan
Deskripsi	Pemerihaln, penerangan, pemberitahuan, atau penggambaran lengkap	Menerangkan tentang apa, siapa, bila dan bagaimana secara objektif	2009a(21) Lembaga Pengarah Bank Islam beriltizam menjunjung prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam semua amalan dan aktiviti niaga Kumpulan. Bank telah mewujudkan mekanisme kawalan dalaman dan luaran yang ketat serta rangka kerja pengurusan risiko sejajar dengan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat. Sebagai sebuah organisasi berorientasikan perkhidmatan, adalah menjadi kewajipan kakitangan bank untuk bersikap profesional dalam semua urusan mereka dengan pihak berkepentingan 2009a(23) Bank juga menggalakkan kesinambungan perkembangan kewangan Islam, menyokong pembangunan pendidikan dan membantu meningkatkan kesejahteraan komuniti. Semua ini merupakan komponen penting bagi inisiatif tanggungjawab korporat Bank Islam. Sesungguhnya, bank telah melaksanakan pelbagai inisiatif tanggungjawab korporat sepanjang TK2009 bagi memenuhi semua objektif ini. Pada TK2009, Bank Islam membayar zakat sebanyak RM4.8 juta selain membelanjakan hampir RM0.7 juta untuk menderma dan menaja aktiviti tanggungjawab korporat.

			<p>2009b(25) Dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad, kami melancarkan <i>Kempen Sinar Letrik Rumah</i> di mana kos penggunaan elektrik pelanggan pembiayaan rumah baharu dibayar balik oleh bank sepanjang tempoh lima tahun. Program <i>EHSAN</i> dilancarkan sebagai tanda komitmen bank membantu pelanggan yang kehilangan pekerjaan akibat kemelut ekonomi. Skim ini menawarkan penangguhan bayaran ansuran selama 12 bulan kepada pelanggan pembiayaan rumah-i yang telah diberhentikan kerja dari 1 Julai 2008 akibat kemelesetan ekonomi semasa.</p>
Eksplanatori	Penjelasan sebab dan akibat	Memberi penjelasan yang lengkap dan terperinci	<p>2011a(20) Sebagai perintis bank Islam di Malaysia, bank berpegang teguh terhadap semua prinsip panduan Bank Negara Malaysia (BNM). Setelah menerima pakai saranan di bawah Garis panduan baharu BNM tentang Pembiayaan Bertanggungjawab (GRF) pada 2011, didapati GRF sebenarnya adalah bukti kepada prosedur dan amalan kami sejak sekian lama dalam pemberian pinjaman runcit yang berhemah, bertanggungjawab dan telus.</p> <p>2010b(75) Kerajaan Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam mempromosi dan membangunkan industri kewangan Islam di Malaysia. Salah satu perkembangan penting ialah pengenalan undang-undang baharu bagi memperkukuhkan kewajaran Majlis Penasihat Syariah BNM dengan menetapkan bahawa keputusan yang dibuat oleh mereka akan diberi keutamaan sekiranya berlaku konflik dengan mana-mana majlis Syariah.</p> <p>2011a(5) Pertumbuhan industri makanan halal global, dianggarkan bernilai antara AS\$600 bilion dengan AS\$1.2 trilion telah merangsang keperluan terhadap kewangan berasaskan Syariah, manakala penduduk Islam negara ini yang melebihi 60% mendorong pertumbuhan kukuh berterusan dalam IFSI.</p> <p>2011a(6) Tahun ini juga menyaksikan pembukaan pejabat korporat baharu, iaitu Menara Bank Islam, sebuah bangunan pejabat 34 tingkat, yang berdiri megah di tengah-tengah kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur. Pembangunan mercu tanda bagi tanah wakaf ini adalah simbol usaha berterusan bank terhadap penyelesaian inovatif.</p>
Argumentasi	Penghujahan, membahas, dan pemujukan	Perubahan sikap dan sokongan sasaran wacana, mengubah kepercayaan, dan mendapatkan sokongan	<p>2009b(29) Keadaan ekonomi yang masih tidak menentu akan memberi kesan ke atas industri perbankan runcit. Ini adalah kerana sikap pengguna dijangka akan berubah secara ketara selain daripada persaingan harga yang sengit, pengecilan margin dan pertambahan pakatan strategik. Oleh itu, Perbankan Pengguna perlu mempertingkatkan keupayaan dengan sumber yang ada dan memperkenalkan lebih banyak produk kewangan Islam yang inovatif bagi memenuhi kehendak pelanggan Islam dan bukan Islam.</p>

Tambahan pula pendekatan dakwah menerusi konsep Ihsan dalam muamalat tidak boleh diketepikan memandangkan matlamat tertinggi muamalat adalah mencari reda Allah (Yusuf Al Qardhawi 2012). Malah al Quran, as Sunnah serta al Salaf al Salih menekankan matlamat ekonomi

dan amalan-amalan lain Muslim adalah bertujuan mencapai al Falah. Al Falah merujuk kepada konsep yang memberi gambaran pencapaian kejayaan Muslim di dunia dan di akhirat (Mohd. Radzi Othman dan Ghafarullahuddin Din 2005).

DESKRIPSI

Wacana deskriptif ialah wacana yang berbentuk pemerihalan, penerangan, pemberitahuan, atau penggambaran lengkap tentang sesuatu perkara, proses atau peristiwa kepada pihak lain. Wacana deskriptif menerangkan maklumat tentang 'apa', 'siapa', 'bila', dan 'bagaimana' secara objektif. Matlamat wacana deskriptif adalah supaya khalayak mengetahui atau mendapat maklumat, gambaran atau imej jelas tentang perkara, peristiwa atau sesuatu proses (Idris Aman 2010). Analisis yang dijalankan terhadap wacana muamalat BIMB mendapati wacana deskripsi lebih ketara penggunaannya berbanding jenis wacana yang lain. Hal ini kerana wacana deskripsi berbentuk pemerihalan, penerangan, pemberitahuan atau penggambaran lengkap tentang sesuatu perkara selaras dengan keperluan format laporan tahunan yang mementingkan huraian dan penjelasan (Asmah Hj. Omar 1997). Data-data yang diturunkan di bawah merupakan pemerihalan atau penggambaran lengkap oleh pewacana tentang sesuatu perkara atau proses kepada pihak-pihak berkepentingan.

2009a(21) Lembaga Pengarah Bank Islam beriltizam menjunjung prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam semua amalan dan aktiviti niaga Kumpulan. Bank telah mewujudkan mekanisme kawalan dalaman dan luaran yang ketat serta rangka kerja pengurusan risiko sejajar dengan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat. Sebagai sebuah organisasi berorientasikan perkhidmatan, adalah menjadi kewajipan kakitangan bank untuk bersikap profesional dalam semua urusan mereka dengan pihak berkepentingan

(Teks Pernyataan Pengerusi BIMB 2009: 59)

Data 2009a (21) di atas memerihalkan berhubung iltizam Lembaga Pengarah BIMB menjunjung prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam melaksanakan semua urusan dan urus niaga bank. Iltizam tersebut diterjemahkan dengan cara mewujudkan mekanisme kawalan dalaman dan luaran yang ketat selain mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko sejajar dengan amalan tadbir urus korporat yang baik. Persoalan-persoalan 'apa', 'siapa', 'bila' dan 'bagaimana' cuba dijelaskan dalam data 2009a(21) tersebut. Klausula '*Lembaga Pengarah Bank Islam*' yang merupakan sekumpulan individu yang melaksanakan kuasa tertinggi organisasi berhasrat menjawab persoalan 'siapa'. Manakala klausula '*iltizam menjunjung prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti*' pula berhasrat

menjawab persoalan 'apa'. Klausula '*dalam semua amalan dan aktiviti niaga Kumpulan*' pula bertujuan menjelaskan persoalan 'bila'. Sementara persoalan 'bagaimana' cuba dijelaskan melalui klausula '*mewujudkan mekanisme kawalan dalaman dan luaran yang ketat serta rangka kerja pengurusan risiko*' dan klausula '*adalah menjadi kewajipan kakitangan bank untuk bersikap profesional dalam semua urusan*'. Jelasnya data 2009a(21) menunjukkan bahawa pewacana memberitahu khalayaknya bahawa Lembaga Pengarah BIMB sentiasa menjunjung prinsip integriti dalam menawarkan perkhidmatan dan diterjemahkan melalui kewujudan mekanisme kawalan khusus.

Begitu juga dengan data 2009a(23) seperti yang diturunkan di bawah. Pewacana berusaha menerangkan kepada khalayak wacananya berhubung inisiatif tanggungjawab korporat Bank Islam yang dilaksanakan ke arah kesejahteraan komuniti.

2009a(23) Bank juga menggalakkan kesinambungan perkembangan kewangan Islam, menyokong pembangunan pendidikan dan membantu meningkatkan kesejahteraan komuniti. Semua ini merupakan komponen penting bagi inisiatif tanggungjawab korporat Bank Islam. Sesungguhnya, bank telah melaksanakan pelbagai inisiatif tanggungjawab korporat sepanjang TK2009 bagi memenuhi semua objektif ini. Pada TK2009, Bank Islam membayar zakat sebanyak RM4.8 juta selain membelanjakan hampir RM0.7 juta untuk menderma dan menaja aktiviti tanggungjawab korporat.

(Teks Pernyataan Pengerusi BIMB 2009: 60)

Persoalan 'apa', 'siapa', 'bila' dan 'bagaimana' cuba dijelaskan dalam data 2009a(23) di atas. Klausula '*Bank*' atau lebih tepat merujuk kepada pihak pengurusan dan pekerja BIMB digunakan untuk menjawab persoalan 'siapa'. Sementara klausula '*menggalakkan kesinambungan perkembangan kewangan Islam, menyokong pembangunan pendidikan dan membantu meningkatkan kesejahteraan komuniti*' bertujuan menjawab persoalan 'apa'. Sementara itu persoalan 'bila' pula secara nyata dijelaskan melalui klausula '*sepanjang TK2009*' dan '*Pada TK2009*' (TK2009 adalah merujuk kepada tahun kewangan 2009). Akhirnya persoalan 'bagaimana' dijelaskan melalui inisiatif BIMB melaksanakan tanggungjawab korporat bank menerusi klausula '*membayar zakat sebanyak RM4.8 juta selain membelanjakan hampir RM0.7 juta untuk menderma dan menaja aktiviti tanggungjawab korporat*'.

Begitu juga halnya dengan data 2009b(25) yang diturunkan di bawah. Data ini juga menunjukkan pewacana berusaha menerangkan kepada khalayak wacananya berhubung inisiatif yang diambil oleh BIMB dalam usaha menyempurnakan tanggungjawab sosial korporat. Persoalan-persoalan asas seperti 'apa', 'siapa', 'bila' dan 'bagaimana' dijawab dengan jelas dalam data di bawah;

2009b(25) Dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad, kami melancarkan *Kempen Sinar Letrik Rumah* di mana kos penggunaan elektrik pelanggan pembiayaan rumah baharu dibayar balik oleh bank sepanjang tempoh lima tahun. Program EHSAN dilancarkan sebagai tanda komitmen bank membantu pelanggan yang kehilangan pekerjaan akibat kemelut ekonomi. Skim ini menawarkan penangguhan bayaran ansuran selama 12 bulan kepada pelanggan pembiayaan rumah-i yang telah diberhentikan kerja dari 1 Julai 2008 akibat kemelesetan ekonomi semasa.

(Teks Ulasan Operasi Pengarah urusan BIMB 2009: 102)

Persoalan siapa dijawab melalui klausa '*Dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad, kami*'. Hal ini menjelaskan Kata Ganti Nama Diri 'kami' di akhir klausa tersebut merujuk kepada BIMB, sekali gus menjelaskan bahawa *Kempen Sinar Letrik Rumah* dilaksanakan oleh BIMB dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad. Kata/istilah 'Bank' kemudiannya digunakan untuk menjawab persoalan *siapa* dalam konteks program EHSAN. Persoalan 'apa' dijawab melalui klausa '*Kempen Sinar Letrik Rumah*' dan diikuti oleh klausa '*Program EHSAN*' yang merujuk kepada inisiatif tanggungjawab sosial korporat BIMB. Berdasarkan data 2009b(25) di atas juga, persoalan seterusnya iaitu 'bila' dijawab melalui dua klausa berbeza untuk dua inisiatif yang berbeza. Persoalan 'bila' bagi inisiatif *Kempen Sinar Letrik Rumah* dijawab melalui klausa '*sepanjang tempoh lima tahun*'. Sementara persoalan 'bila' bagi inisiatif program EHSAN dijawab menerusi klausa '*selama 12 bulan*' dan klausa '*dari 1 Julai 2008*'. Persoalan yang terakhir iaitu persoalan 'bagaimana' yang melengkapkan ciri wacana deskripsi bagi data 2009b(25) juga dijawab menerusi dua klausa. Klausa pertama ialah '*di mana kos penggunaan elektrik pelanggan pembiayaan rumah baharu dibayar balik oleh Bank*' (inisiatif *Kempen Sinar Letrik Rumah*) dan klausa kedua '*menawarkan penangguhan bayaran ansuran*' (inisiatif program EHSAN).

Data 2011a(20) pula menunjukkan pewacana memberitahu khalayak wacananya berhubung

pendirian BIMB yang berpegang teguh kepada semua panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai bank pusat yang mengawal selia perjalanan bank-bank perdagangan.

2011a(20) Sebagai perintis bank Islam di Malaysia, bank berpegang teguh terhadap semua prinsip panduan Bank Negara Malaysia (BNM). Setelah menerima pakai saranan di bawah Garis panduan baharu BNM tentang Pembiayaan Bertanggungjawab (GRF) pada 2011, didapati GRF sebenarnya adalah bukti kepada prosedur dan amalan kami sejak sekian lama dalam pemberian pinjaman runcit yang berhemah, bertanggungjawab dan telus.

(Teks Pernyataan Pengerusi BIMB 2011: 86)

Dalam data 2011a(20) di atas, persoalan-persoalan asas seperti 'apa', 'siapa', 'bila' dan 'bagaimana' yang menjadi ciri utama wacana deskripsi dijawab dengan jelas. Persoalan 'siapa' dijawab melalui klausa '*sebagai perintis bank Islam di Malaysia, Bank*'. Kata/istilah 'bank' pada akhir klausa tersebut merujuk kepada BIMB yang berperanan sebagai perintis bank Islam di Malaysia sesuai dengan kedudukannya sebagai bank pertama yang ditubuhkan untuk menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan berteraskan konsep patuh Syariah. Sementara persoalan 'apa' dijawab melalui klausa '*prinsip panduan Bank Negara Malaysia (BNM)*'. Persoalan 'bila' pula dijawab melalui klausa '*pada 2011*'. Hal ini menunjukkan bahawa BIMB telah menerima pakai saranan BNM berhubung pembiayaan bertanggungjawab pada tahun 2011. Sementara itu persoalan 'bagaimana' pula dijawab melalui klausa '*GRF sebenarnya adalah bukti kepada prosedur dan amalan kami sejak sekian lama dalam pemberian pinjaman runcit yang berhemah, bertanggungjawab dan telus*'. Klausa tersebut menjelaskan bahawa garis panduan BNM berhubung pembiayaan bertanggungjawab yang diterima pakai oleh BIMB pada tahun 2011, adalah selaras dengan amalan BIMB yang memberikan pinjaman runcit kepada pelanggan secara berhemah, bertanggungjawab dan telus.

EKSPLANATORI

Menurut Idris Aman (2010) wacana eksplanatori bersifat penjelasan yang menerangkan secara lebih mendalam dan lanjut tentang sesuatu perkara, peristiwa atau proses. Hal ini bermakna eksplanatori adalah peluasan atau lanjutan daripada wacana deskriptif yang mementingkan penjelasan sebab - akibat. Analisis yang dilakukan terhadap wacana

muamalat BIMB juga mendapati wacana eksplanatori turut dimanfaatkan. Data 2010b(75) misalnya berusaha memberikan penjelasan sebab - akibat yang merupakan ciri utama wacana eksplanatori.

2010b(75) Kerajaan Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam mempromosi dan membangunkan industri kewangan Islam di Malaysia. Salah satu perkembangan penting ialah pengenalan undang-undang baharu bagi memperkukuhkan kewajaran Majlis Penasihat Syariah BNM dengan menetapkan bahawa keputusan yang dibuat oleh mereka akan diberi keutamaan sekiranya berlaku konflik dengan mana-mana majlis Syariah.

(Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan BIMB 2010: 139)

Berdasarkan data tersebut seperti yang diturunkan di atas, klausa '*Kerajaan Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam mempromosi dan membangunkan industri kewangan Islam di Malaysia*' merupakan sebab kepada suatu tindakan selanjutnya/susulan (akibat) yang dilaksanakan. Klausa tersebut kemudiannya diikuti oleh klausa '*Salah satu perkembangan penting ialah pengenalan undang-undang baharu bagi memperkukuhkan kewajaran Majlis Penasihat Syariah BNM*'. Dalam hal ini pengenalan undang-undang baharu yang memperkukuh kewajaran 'Majlis Penasihat Syariah BNM' merupakan akibat (tindakan) daripada peranan aktif kerajaan Malaysia dalam mempromosi dan membangunkan industri kewangan Islam.

Begitu juga halnya dengan data 2011a(5) seperti yang diturunkan di bawah ini;

2011a(5) Pertumbuhan industri makanan halal global, dianggarkan bernilai antara AS\$600 bilion dengan AS\$1.2 trilion telah merangsang keperluan terhadap kewangan berasaskan Syariah, manakala penduduk Islam negara ini yang melebihi 60% mendorong pertumbuhan kukuh berterusan dalam IFSI.

(Teks Pernyataan Pengerusi BIMB 2011: 83)

Data tersebut berusaha menjelaskan sebab - akibat berkaitan pertumbuhan industri makanan halal dan penduduk Islam Malaysia melebihi 60 peratus. Klausa '*Pertumbuhan industri makanan halal global, dianggarkan bernilai antara AS\$600 bilion dengan AS\$1.2 trilion*' merupakan sebab kepada perlunya sebuah sistem kewangan Islam untuk menyokong pertumbuhan tersebut. Justeru klausa seterusnya iaitu '*telah merangsang keperluan terhadap kewangan berasaskan Syariah*' merupakan akibat daripada pertumbuhan memberangsangkan industri makanan halal. Daripada sudut yang lain pula, klausa '*manakala penduduk Islam negara*

ini yang melebihi 60%' merupakan sebab kepada suatu perkembangan lain. Perkembangan tersebut kemudiannya dijelaskan menerusi klausa berikutnya iaitu '*mendorong pertumbuhan kukuh berterusan dalam IFSI*'.

Berlainan pula halnya dengan data 2011a(6) dan data 2011b(7) yang diturunkan di bawah. Jika data 2010b(75) dan 2011a(5) seperti yang telah dibincangkan di atas sebelum ini mementingkan susunan sebab - akibat, data 2011a(6) dan data 2011b(7) pula terbentuk dalam susunan akibat - sebab. Hal ini bermakna klausa yang membincangkan akibat dikemukakan terlebih dahulu sebelum diikuti oleh klausa yang membincangkan sebab, dalam satu kesatuan wacana eksplanatori.

2011a(6) Tahun ini juga menyaksikan pembukaan pejabat korporat baharu, iaitu Menara Bank Islam, sebuah bangunan pejabat 34 tingkat, yang berdiri megah di tengah-tengah kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur. Pembangunan mercu tanda bagi tanah wakaf ini adalah simbol usaha berterusan bank terhadap penyelesaian inovatif.

(Teks Pernyataan Pengerusi BIMB 2011: 83)

Berdasarkan data 2011a(6), klausa '*Tahun ini juga menyaksikan pembukaan pejabat korporat baharu, iaitu Menara Bank Islam, sebuah bangunan pejabat 34 tingkat, yang berdiri megah di tengah-tengah kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur*', merupakan akibat daripada suatu dasar atau tindakan yang dilaksanakan oleh BIMB. Dasar atau tindakan yang menjadi sebab kepada pembukaan pejabat korporat baharu tersebut kemudiannya dijelaskan melalui klausa berikutnya, iaitu '*Pembangunan mercu tanda bagi tanah wakaf ini adalah simbol usaha berterusan bank terhadap penyelesaian inovatif*'. Hal ini bermakna pendekatan pembangunan tanah wakaf secara inovatif telah menjadi sebab kepada pembinaan dan pembukaan sebuah bangunan pejabat 34 tingkat yang menempatkan Menara Bank Islam.

ARGUMENTASI

Wacana argumentasi ialah wacana penghujahan yang banyak menggunakan proses penaakulan dengan mengemukakan fakta dan bukti-bukti yang munasabah. Dalam perkataan lain argumentasi bersifat membahas selain mengharapakan perubahan fikiran atau sikap pada sasaran wacana. Hal ini bermakna selain bersifat membahas, wacana argumentasi dikaitkan dengan pemujukan rasional

kerana bermatlamat mengubah kepercayaan khalayak secara objektif dan bertanggungjawab (Idris Aman 2010). Analisis yang dijalankan turut menemui wacana argumentasi dalam wacana muamalat BIMB.

Data 2009b(29) seperti yang diturunkan di bawah menghujah dan membahas kesan ketidaktentuan ekonomi ke atas perbankan runcit serta langkah-langkah yang telah dilaksanakan BIMB untuk berhadapan situasi tersebut. Klausula *'Keadaan ekonomi yang masih tidak menentu akan memberi kesan ke atas industri perbankan runcit'* secara jelas menghujah bahawa ketidaktentuan ekonomi memberi kesan kepada perbankan runcit. Klausula tersebut kemudiannya diikuti oleh klausula *'Ini adalah kerana sikap pengguna dijangka akan berubah secara ketara selain daripada persaingan harga yang sengit, pengecilan margin dan pertambahan pakatan strategik'*. Klausula di atas menyokong hujah bahawa ketidaktentuan ekonomi memberi kesan kepada perbankan runcit. Kesan tersebut berlaku disebabkan beberapa faktor antaranya perubahan sikap yang ketara dalam kalangan pengguna, persaingan harga yang sengit, pengecilan margin atau keuntungan serta pertambahan pakatan strategik.

2009b(29) Keadaan ekonomi yang masih tidak menentu akan memberi kesan ke atas industri perbankan runcit. Ini adalah kerana sikap pengguna dijangka akan berubah secara ketara selain daripada persaingan harga yang sengit, pengecilan margin dan pertambahan pakatan strategik. Oleh itu, Perbankan Pengguna perlu mempertingkatkan keupayaan dengan sumber yang ada dan memperkenalkan lebih banyak produk kewangan Islam yang inovatif bagi memenuhi kehendak pelanggan Islam dan bukan Islam.

(Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan BIMB 2009: 103)

Pada peringkat ini pewacana telah menghujah dan membahas kesan ketidaktentuan ekonomi ke atas perbankan runcit yang didorong oleh beberapa faktor seperti perubahan ketara sikap pengguna, persaingan harga, pengecilan keuntungan dan pertambahan pakatan strategik. Seterusnya pewacana berhujah bahawa perlunya perbankan runcit melaksanakan beberapa langkah untuk berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi agar BIMB mampu mengekalkan kedudukannya. Langkah-langkah tersebut dihujahkan melalui klausula *'Oleh itu, Perbankan Pengguna perlu mempertingkatkan keupayaan dengan sumber yang ada dan memperkenalkan lebih banyak produk kewangan Islam yang inovatif bagi memenuhi kehendak pelanggan Islam dan bukan Islam'*. Melalui klausula di atas pewacana menengahkan

dua langkah untuk berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi iaitu dengan mempertingkatkan keupayaan dengan sumber yang ada serta memperkenalkan lebih banyak produk kewangan Islam yang inovatif bukan sahaja untuk keperluan pelanggan Islam tetapi juga pelanggan bukan Islam.

RUMUSAN

Pertalian dialektikal antara praktis sosial muamalat iaitu Ihsan dengan praktis wacana telah menyebabkan beberapa unsur interdiskursiviti dimanfaatkan dalam wacana muamalat. Antaranya termasuklah wacana deskripsi, wacana eksplanatori dan wacana argumentasi. Kepelbagaian unsur interdiskursiviti ini juga bertujuan mendukung konsep Ihsan. Satu perkembangan menarik ialah, muamalat yang mendukung praktis sosial Ihsan berkembang dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Hal ini menyebabkan berlakunya penyesuaian bagi kedua-dua sistem ekonomi akibat perkembangan tersebut.

Konsep yang kompleks ini akhirnya telah memberi kesan kepada wacana muamalat khususnya unsur interdiskursiviti. Perkembangan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Karin, Zotzmann (2007) yang antara lain melihat *"recontextualizations of socioeconomic processes"* dan pelbagai faktor lain menyumbang kepada *"hybrid generic forms associated with a mix of social purposes"*. Hal ini bermakna perkembangan muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional telah menyebabkan konteks sosioekonomi distrukturkan semula dan penstrukturan tersebut menyumbang kepada pembentukan teks 'hybrid'. Memandangkan muamalat bukan sekadar aktiviti urus niaga patuh syariah semata-mata, tetapi juga perlu dilihat sebagai medium dakwah, maka kehadiran unsur deskripsi, eksplanatori dan argumentasi yang mementingkan kesahihan dan kejelasan maklumat dipengaruhi oleh kedua-dua tujuan tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady. 1994. Metode Dakwah Rasulullah SAW dan Cabaran Masa Kini. Dlm. Abdul Halim El-Muhammady. *Dinamika Dakwah: Satu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. 1997. *Bahasa Laporan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- _____. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fairclough, N. 1989. *Language and Power*. London: Longman.
- _____. 1992. *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- _____. 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- _____. 2000. *New Labour, New Language?* London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Fairclough, N. & Wodak, R. 1997. Critical discourse analysis. Dlm. *Discourse As Social Interaction*, disunting oleh Van Dijk. London: Sage Publication Ltd.
- Haron Din et al. 1988. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Idris Aman. 2006. *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Aman. 2010. *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamila Ghazali. 1999. A Critical Discourse Analysis of the Speeches of Dr. Mahathir Mohamad. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Kamus Dewan*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Tahunan. 2009. Bank Islam Malaysia Berhad.
- _____. 2010. Bank Islam Malaysia Berhad.
- _____. 2011. Bank Islam Malaysia Berhad.
- _____. 2012. Bank Islam Malaysia Berhad.
- Kettle, M. 2005. Critical discourse analysis and hybrid texts: Analysing English as A Second Language (ESL). *Melbourne Studies in Education* 46(2): 87-105.
- Mohd. Radzi Othman & Ghafarullahuddin Din. 2005. *Ekonomi dalam Perspektif Al Quran dan Al Sunah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Munif Zariruddin Fikri B. Nordin. 2009. *Bahasa Kepimpinan Rasulullah SAW: Analisis Wacana Khutbah Ghazawat al-Rasul*. Tesis PhD: Universiti Malaya.
- Nor Mohamed Yacoub. 1996. *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Radiman Hj. Junaidi. 2011. *Analisis Wacana Terhadap Ucapan Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi*. Tesis PhD: Universiti Putra Malaysia.
- Sahih Muslim oleh Imam Muslim Jilid II*. 1965. Terjemahan bahasa Inggeris Oleh Abdul Hamid Siddiqi. Beirut, Lebanon: Dar Al Arabia.
- Yusuf Al Qardhawi. 2012. *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam yang Kita Idamkan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.
- Zotzmann, Karin. 2007. *Educating for the Future: A Critical Discourse Analysis of the Field of Intercultural Business Communication*. Thesis PhD: Lancaster University

Mohamad Fitri Mohamad Yusoff. Ph.D.
Institut Profesional Baitulmal,
Kampus Putrajaya,
No. 1 Persiaran Timur Off Persint 17,
62200 Putrajaya, Malaysia
E-mail : fitri@ipb.edu.my / fitrimy@hotmail.com

Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D.
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mail : zaitulazma@yahoo.com

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, Ph.D.
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mail : pabiyah@upm.edu.my

Hjh. Nor Azwan Yaakon, Ph.D.
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mail : azuwan_nor@yahoo.com

Diserahkan: 09 Mac 2016
Diterima: 24 Mei 2016